

17 JUL 1998

PERDANA MENTERI LAWAT NEGERI SEMBILAN SELASA INI

SEREMBAN, 17 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan sehari ke Negeri Sembilan pada Selasa ini.

Menurut aturcara yang dikeluarkan oleh pejabat Menteri Besar hari ini, Dr Mahathir akan memulakan lawatannya dengan mengadakan pertemuan dengan ketua-ketua bahagian UMNO, pemimpin Pemuda dan Wanita serta pegawai penerangan UMNO Negeri.

Pertemuan secara tertutup itu akan berlangsung di Dewan Theatre, Wisma Negeri di sini pukul 10.30 pagi.

Selepas itu Dr Mahathir akan menghadiri majlis jamuan makan tengah hari di Dewan Serbaguna, Wisma Negeri pukul 12.30 tengah hari.

Sebelum mengakhiri lawatannya Perdana Menteri akan menghadiri pertemuan terbuka dengan pemimpin UMNO, parti komponen Barisan Nasional (BN), ketua masyarakat dan pertubuhan serta pegawai kanan kerajaan negeri di Dewan Majlis Perbandaran Seremban pukul 2 petang.

-- BERNAMA

RP NMO